

All Rights Reserved, National Library Board, Singapore



AMY - VOCALS AND GUITARS

TERUTAMA SEKALI SYUKUR KE HADRAT ILLAHI. KEPADA IBU BAPA DAN KELUARGA. JUTAAN TERIMA KASIH KERANA MENYOKONG AMY. UNTUK TUTENG, WAWAN, AGUS, DEDE, DAN ABANG MOL. JUTAAN TERIMA KASIH KERANA MEMBANTU MENGHASILKAN YANG TERBAIK DARI KAMI. UNTUK KELUARGA YANN, ZUL DAN KHAIRUL. DAN JUGA RAKAN RAKAN. UNTUK ORANG ISTIMEWA(TAU SENDIRI OK). TERIMA KASIH KERANA MEMAHAMI JIWA INI. MAAF JIKA ADA YANG TERLUPA HENDAK DISEBUTKAN. ASSALAMMUALAIKUM



SPEED KING - GUITARS

ALHAMDULLILAH KE ATAS KELAHIRAN ALBUM INSOMNIA INI DAN TERIMA KASIH KEPADA KELUARGA TERUTAMA IBU BAPA YANG BANYAK BERSABAR DAN MEMBERIKAN SOKONGAN MORAL SELAMA INI. SAYA JUGA TURUT MENGUCAPKAN JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA ABG.MOL YANG MEMBERI PELUANG DAN SOKONGAN DALAM PEMBIKINAN ALBUM INI. TIDAK LUPA JUGA KEPADA MEMBERS KETAT, KARUTZ KING&CO. JUGA KEPADA SAUDARA MARA YANG BANYAK MEMBERI SOKONGAN NASIHAT DAN METAL TERUS METAL



SPACE.T - DRUMS AND PERCUSSIONS

UCAPAN TERIMA KASIH BUAT KELUARGA TERUTAMA AYAH DAN IBU YANG TELAH BANYAK MEMBERIKAN SOKONGAN SEPANJANG PENGLIBATAN SAYA DI DALAM BIDANG MUZIK. TIDAK LUPA JUGA KEPADA MEMBERS YANG TELAH BANYAK MEMBERIKAN NASIHAT, TUNJUK AJAR DAN SEMANGAT. ABG.AMY DAN ABG.YANN DARI YAKAMASHII, DIN IMPIETY, SURYA(IRMAN MIDDLE). LAIN LAIN YANG TIDAK SEMPAT SAYA CATATKAN DALAM RUANGAN DI SINI



YANN - VOCALS AND BASS GUITAR

UCAPAN TERIMA KASIH YANG TAK TERHINGGA BUAT AYAH DAN IBU SERTA KELUARGA YANG TERSAYANG YANG TELAH BANYAK MEMBERI DORONGAN UNTUK PEMBIKINAN ALBUM INI. DAN BUAT MEMBERS MEMBERS DI SINGAPURA, MALAYSIA, SARAWAK, BANDUNG. ABG EHSANUL, KAK ANA, ELFEEZA DAN RINI M. WATI(SG), WAWAN JO, NIZAM(TABU), LAN DOLLAH DAN SEMUA YANG MASIH MENGENALI SAYA. DAN YANG TAK TERHINGGA BUAT ABG.MOL. DAN CIKGU YUSNOR EF. YANG BANYAK MEMBERI SOKONGAN MORAL

All Rights Reserved, National Library Board, Singapore

## INSOMNIA

DINGIN MENUSUK TUBUHKU
SELURUH JIWAKU
GELISAH DI SINI
MALAM MEMBUATKU TAK BERDAYA
TERPERANGKAP
KU INGIN BERTERIAK

TUBUHKU REBAH
PIKIRAN MELAYANG
MENCARI DAMAI
YANG PERNAH ADA
HARUSKAH
KU POTONG URAT NADIKU
YANG MENYISAKAN
SATU KEHIDUPAN

KU INGIN
LEPASKAN DIRI
DARI BELENGGU
YANG MENYIKSA DIRI
RONTA JIWA
TAK TERTAHAN LAGI
BERGETAR EMOSI
KE UJUNG JARI
KU INGIN LEPASKAN DIRI
DARI BELENGGU
YANG MENYIKSA DIRI
MENGHIASI MALAM
DENGAN MIMPI
KU SAMBUT PAGI
TANPA FANTASY

LAGU : MOLIANO
LIRIK : JODEUM

## KESESATAN

APAKAH MEREKA SUDAH LUPA
YANG MANA
BENAR ATAUPUN SALAH
DI LORONG LORONG
YANG GELAP GULITA
BERGELIMPANGAN NODA

INI SEMUA ADALAH PETANDA
AKAN MUSNAH PEGANGAN MANUSIA
DILIHAT DUNIA ADALAH SYURGA
TIDAK INGAT SEKSANYA

HANCUR, DIMUSNAH
OLEH ANGKARA MANUSIA
SESAT,
KERANA NAFSU MENGABURI MATA

LAGU & LIRIK : AMY

## LANGSUIR

BULAN MENGAMBANG PENUH AWAN MERAH
MULA BERSATU
SUASANA SUNGGUH MENGGERUNKAN

DI TENGAH KEGELAPAN HILAIAN
MEMECAH KESUNYIAN
MENAMBAHKAN LAGI KENGERIAN

RAMBUTNYA YANG MENUTUP SERAUT WAJAH
TERHURAI PANJANG MENJEJAKI TANAH

WASPADALAH MANUSIA
DARI CENGKAMAN MAUTNYA
DARAH MENJADI SASARAN
MENGHILANGKAN KEHAUSAN

MATA BAGAIKAN API MERAH YANG MENYALA
MELINGAS SEKELILING MENCARI MANGSA

LAGU & LIRIK : AMY

## WIRA RIMBA

BERJUANG, MEMBELA AMANAH DILAKSANA
DIGENGGAM, SENJATA HARUNGI BELANTARA

KAU, WIRA RIMBA YANG, BERGADAI NYAWA

MENYERAH,
TAK PERNAH TERUKIR DI DALAM JIWA
HANYALAH, AZAMMU BAGAI API MENJULANG

KAU, WIRA RIMBA
MEGAH BERDIRI

BIARPUN DARAH MERAH MENGALIR
TAPI ENGKAU MASIH TETAP TEGUH
MENENTANG MUSUH MUSUH DURJANA
AGAR TANAH INI TIDAK DIJAJAH

LAGU : AMY, SPEED KING
LIRIK : AMY

## KRISIS 191

GENDERANG PERANG TELAH DIBUNYIKAN
DI SAAT INSAN TERHIMPIT PENASARAN
SEMUA TENGGELAM DALAM KEGELICAHAN
DI ZONA TELUK PECAHKAN KESUNYIAN

DI SANA ADA BAU AROMA MESIU
DI SANA ADA JERIT KEMATIAN
DAN DI SANA JUGA
TELAH RUNTUHNYA SEBUAH KEANGKUHAN

RUDAL RUDAL MENGHUNJAM
MENGERIKAN
DAN BUMI BAGHDAD
MENUTUP BERKEPANJANGAN
MANUSIA MENJELMA BAGAIKAN SRIGALA
SALING MEMANGSA SESAMANYA

DI SANA MANUSIA
SALING MENGHANCURKAN
DI SANA MANUSIA
SALING MELEMAHKAN
DAN DI SANA JUGA
TERKUBURNYA RASA KEMANUSIAAN

HENTIKANLAH...
CIPTAKANLAH...PERDAMAIAN
RAIHLAH...
JABAT ERAT...PERSAUDARAAN

LAGU & LIRIK : JODEUM

## KESAL

LANGKAHNYA YANG TAK BERARAH
HANYA BERTEMANKAN DUKA
MEMBAWA DIRI ENTAH KEMANA
SEBAK BERTAHTA DI JIWA

KESILAPAN
YANG DULU PERNAH DILAKUKAN
ADALAH PUNCA PENDERITAAANYA
TERJERUMUS
KE LEMBAH KEHANCURAN
MEMBAWA SERIBU KESALAN

JANGANLAH DIHINA DAN DICERCA
INSAN YANG CUBA
KEMBALI KE PANGKUAN JALANNYA
BERILAH PELUANG
BAGI MEMBINA
KEHIDUPAN YANG LEBIH BERMAKNA
KERANA...
DIA ADALAH SEPERTI KITA

LAGU & LIRIK : AMY

## YAKAMASHII

DAY AND NIGHT AT
THIS PLACE SEARCHING FOR THE SHOW
CAN'T GET ENOUGH SATISFACTION
I LOSE CONTROL
ON THE NIGHT ROAM THE STREETS
SEARCHING FOR THOSE GUYS
WHOSE GONNA FIT
IN THIS LINE TO MAKE IT RIGHT

CAUSE WE KNOW
THE FOUR CAN MAKE IT HAPPEN
TO SEE THE WORLD
IN THIS DIRECTION
AND FOR THOSE WHO'S HUNGER
FOR THIS ACTION
COME ON BABY HEAR ME CALL

YAKAMASHII...AND BABY HERE WE ARE
...WE'RE STANDING STRONG IN PRIDE
...AND THIS IS WHAT WE ARE
...WE'LL MAKE YOU LOSE YOUR MIND

CAUSE THIS IS OUR SATISFACTION
WE ARE GOING TO MAKE YOU SHOUT

LAGU : YAKAMASHII  LIRIK : YANN

## WIRA PERJUANGAN

DI UFUK SINARAN SENJA
BERDIRI SEORANG INSAN
MEMERHATIKAN GERAKAN AWAN
MULA BERDERAI TITISAN HUJAN
MENGALIR AIR MATA MEMBASAHI PIPI
MENGENANG KISAH SILAM

PENDERITAAN MEREKA
KELTHATAN TIADA AKHIRNYA
MENCENGKAM JIWA SETIAP YANG BERNYAWA
MAUT YANG MENANTI AJAL PASTI MENJELMA
UNTUK KELIMA SATRIAWAN BANGSA

PERTARUNGAN MENENTANG KEZALIMAN
DIPENUHI DENGAN TUBUH-TUBUH
YANG DAH TAK BERMAYA
SATU PERSATU REBAH KE MUKA BUMI
NAMUN PERJUANGAN
MASIH LAGI BELUM BERAKHIR

KINI HANYA SEORANG
YANG MASIH BERDIRI
TEGUH MENENTANG MUSUHNYA
SEMANGAT SERTA SIFAT
PERTARUNGAN DI TUBUHNYA
TAK MUNGKIN LUPUT DARI JIWA

LAGU & LIRIK : AMY

## LANGKAH DI TITIAN

BAHTERA KU HANYUT, DIPUKUL GELOMBANG
TERKAPAI-KAPAI DI RUANG LAUTAN
SEMAKIN JAUH KU MENITI PERJALANAN
SEMAKIN SUKAR UNTUK KU BERTAHAN

BERLIKU-LIKU JALAN KU TEMPUHI
PELBAGAI LAUTAN TELAH KU RENANGI
HANYA KESEPIAN YANG MENJADI TEMAN
UNTUK KU TERUSKAN...

APAKAH ADA CAHAYA TERSELINDUNG DI BALIK MEGA
DAPATKAH KU MELIHAT KILAUANNYA
MUNGKIN GULITA KAN TERUS MENYELUBUNGI DIRI
SEHINGGA AKHIR HAYATKU NANTI

LAGU & LIRIK : AMY

## TERIMA KASIH

KINI MASA YANG BERLALU
MENCARI CAHAYA YANG BERLIKU
PANCARANNYA SINAR SHAHDU
DAPAT MENERANGI ALAM YANG INDAH AYU

TERIMA KASIH KU UCAPKAN
KITA BERSUA WAKTU KU MEMERLU MU
TERIMA KASIH KU UCAPKAN
KINI KAU BERADA DI SANUBARI

INGATAN KU TAK KAN PUDAR
DALAM HATI KU TETAP BERSINAR
PANCARANNYA SINAR SHAHDU
DAPAT MENERANGI ALAM YANG INDAH AYU

TEMAN SEJATI AKAN KEKAL ABADI HINGGA KINI

KINI MASA YANG BERLALU
MENCARI CAHAYA YANG BERLIKU

LAGU & LIRIK : MOLIANO & TABUQ

MESIU = SERBUK PELURU
RUDAL = PELURU BERPANDU
INSOMNIA = PENYAKIT SULIT TIDUR

WRITE FOR MORE INFO
YAKAMASHII FAN CLUB:
YAKAMASHII@HOTMAIL.COM

All Rights Reserved, National Library Board, Singapore

SYUKUR ALHAMDULILLAH KE HADIRAT ALLAH SWT KERANA DAPAT MEMBERI KAMI KEKUATAN DAN AZAM UNTUK MENERUSKAN CITA CITA YANG SELAMA INI KAMI IMPIKAN SEHINGGA INI SEMUA MENJADI NYATA. YAKAMASHII MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT SEHINGGALAH TERLAHIRNYA ALBUM 'INSOMNIA' : WAWAN JO, ROY.S, TUTENG Z.M, DEDY MOHD, UCOK, BUDI AMIR, ROHMAN SPD, PEGGY, DESSY, LAN DOLLAH, HANIM MOHD.SALEH(BH), DJ RADIO RIA DAN WARNA, ABANG T.G, SK, RZ, CHAKAL, ADI RAHMAN, ABANG JO(ROCKERS), MEMBERS MEMBERS ARTIS DARI S'PORE, STAFF & MANAGEMENT OF ARDEN(BDG) YANG MEMBERI KAMI PELUANG KEEMASAN UNTUK MEMBUAT PERSEMBAHAN, JUTAAN TERIMA KASIH JUGA KEPADA 'PERKAMUS' CIKGU YUSNOR EF, SPESIAL THANKS TO ABANG MOLIANO YANG TELAH BANYAK MEMBERI SPIRIT SEHINGGALAH TERLAHIRNYA 'INSOMNIA'

PRODUCER : MOLIANO
ASST. PRODUCER : JODEUM - TUTENG Z.M
MUSIC ARRANGEMENT : MOLIANO - YAKAMASHII - JODEUM
RECORDED ON 26/6/01 - 12/7/01 AT YESS STUDIO BANDUNG
ENGINEER : TUTENG Z.M - BUDI AMIR
MIXED BY : UCOK - TUTENG Z.M - MOLIANO
MASTERING AT LION STUDIO SINGAPORE BY TIEN
PROMOTION & DISTRIBUTOR : Moluv Music
ART DIRECTOR & PRINTED MATTERS : HIPOGRAPH BANDUNG
BAND PHOTOGRAPHS BY LAN DOLLAH
A&R TOUR MANAGER : DEDY MOHD
CATERING & LODGING : ROY.S - ROHMAN SPD

LIVE TRACKS WERE RECORDED LIVE AT 'ARDEN' BANDUNG ON 7/7/01
ENGINEERED & MIXED BY TUTENG Z.M AND JODEUM
REMIX TRACK BY FX.ADAM.J (APOCALYPSE SOUND SYSTEM)

All Rights Reserved, National Library Board, Singapore




All Rights Reserved, National Library Board, Singapore

INSOMNIA
KESESATAN
LANGSUIR
WIRA RIMBA
KRISIS 191
KESAL
YAKAMASHII
WIRA PERJUANGAN (LIVE)
LANGKAH DI TITIAN (LIVE)
TERIMA KASIH (LIVE)

BONUS TRACKS:
INSOMNIA (REMIX)
TERIMA KASIH (STUDIO RECORDED)

MÖLUV music

MOLUV MUSIC
BLK 530, HOUGANG AVE 6, #03-265, S'PORE 530530
FAX: 3867049 EMAIL: MOLUVMUSIC@YAHOO.COM

℗ & © 2001 MOLUVMUSIC
SEMUA LAGU DAN LIRIK HAK CIPTA "BANANG PUBLISHING"

All rights reserved, National Library Board, Singapore

YAKAMASHII INSOMNIA
MM-2004CD

YAKAMASHII INSOMNIA
MM-2004CD